

CUEPACS dakwa lebih 800,000 penjawat awam kategori miskin

Oleh Siti Haliza Yusop
dan K Mohana Priya
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Kira-kira 800,000 atau hampir separuh daripada 1.62 juta penjawat awam di negara ini menerima gaji bulanan lebih rendah daripada Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), iaitu RM2,208.

Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat, berkata keadaan itu berlaku disebabkan sistem penggajian dan saraan yang diguna pakai ketika ini tidak dikaji atau distruktur semula sejak 2002.

Beliau berkata, penjawat awam gred lantikan 19 masih memperoleh pendapatan di bawah RM2,000 sebulan meskipun selepas mengambil kira Bantuan Sara Hidup

(COLA), Imbuan Tetap Perumahan dan Elaun Khidmat Awam.

Berikutan itu, Adnan menggesa kerajaan menyegerakan kajian semula sistem penggajian dan saraan ketika ini yang disifatkannya sudah tidak sesuai dengan kenaikan kos sara hidup yang terpaksa ditanggung penjawat awam.

Nasional 3

“Daripada 1.62 juta penjawat awam ketika ini, 800,000 daripadanya tergolong dalam kategori B40 iaitu mereka dengan gred 19 yang menerima gaji permulaan RM1,208”

Datuk Adnan Mat, Presiden CUEPACS



Kerajaan disaran ubah sistem pengajian, saraan

Dari Muka 1

“Daripada 1.62 juta penjawat awam ketika ini, 800,000 daripadanya tergolong dalam kategori B40 iaitu mereka dengan gred 19 yang menerima gaji permulaan RM1,208.

“Jika ditambah COLA dan pelbagai elaun lain, pendapatan mereka hanya mencecah RM1,950 dan ia masih di bawah had PGK ditetapkan iaitu RM2,208.”

“Jadi kerajaan perlu segera ubah sistem penggajian dan saraan yang tidak relevan sekarang kerana sudah digunakan selama 20 tahun.

“Gaji tidak naik menyebabkan kuasa membeli penjawat awam semakin mengecil sedangkan harga barang terus meningkat. Ini sememangnya memberi kesan kepada mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah di Wisma Ungku A Aziz di sini, semalam.

Semakan menerusi portal rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia mendapati gaji minimum bagi kakitangan Gred 19 berbeza antara RM1,352 hingga RM1,360.

Gaji minimum bagi Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 adalah RM1,352, Pembantu Makmal Gred C19 (RM1,357) dan Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19 (RM1,360).

Antara agenda yang dibincangkan CUEPACS dan ANGKASA pada mesyuarat semalam, termasuk peranan yang boleh dimainkan koperasi bagi membantu penjawat awam untuk menghadapi kesan kenaikan kos sara hidup.

Adnan berkata, ANGKASA melalui pelbagai koperasi di bawahnya akan membekalkan lebih 100 jenis barangan keperluan harian kepada penjawat awam di negara ini pada harga lebih murah berbanding harga pasaran untuk mengurangkan beban kakitangan awam.

Pada masa sama, beliau juga menggesa semua ketua perkhidmatan awam mengaktifkan ko-

operasi dalaman jabatan masing-masing dengan menyediakan ruang di setiap kementerian bagi membekalkan barangan keperluan asas kepada penjawat awam pada harga yang lebih murah.

Langkah itu katanya, selain sebagai tanda sokongan kepada penjawat awam, dapat memastikan harga barangan harian dapat dikawal sekali gus mengelak daripada orang tengah yang mengambil kesempatan.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, setakat ini sambutan

yang diterima koperasi di bawah ANGKASA dalam pembekalan pelbagai jenis barangan harian kepada penjawat awam sangat menggalakkan.

Setakat ini, katanya, ANGKASA mengenal pasti 3,000 koperasi dengan 2,000 daripadanya sudah mendaftar untuk Program Barang Asas 100 (BA100) membatik penjualan barangan keperluan harian termasuk dalam talian.

“Daripada 2,000 yang berdaftar, 500 daripadanya kini aktif membekalkan barangan keperluan

harian, termasuk untuk kakitangan awam, manakala baki 1,500 koperasi lagi dalam proses untuk memulakannya.

“Program ini sudah bermula, termasuk dengan menyediakan platform dalam talian bagi memudahkan pesanan dan penghantaran barangan.

“Fasa keduanya nanti akan membatik penjualan barangan basah pula,” katanya.

Pada 2019, Malaysia menyemak semula had PGK kepada RM2,208 berbanding kadar RM980 yang diguna pakai sejak 2005.

Jabatan Perangkaan Malaysia berkata, pengenalan had baharu itu menjadikan jumlah isi rumah yang tergolong dalam kategori miskin bertambah kepada 405,441 berbanding hanya 16,653 jika menggunakan had sebelum ini.

Pada September tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan akan mengemas kini PGK pada tahun ini serentak bersama survei pendapatan, perbelanjaan isi rumah (HIES) dan Kemudahan Asas (BA) 2022.

“Daripada 2,000 yang berdaftar, 500 daripadanya kini aktif membekalkan barangan keperluan harian, termasuk untuk kakitangan awam, manakala baki 1,500 koperasi lagi kini dalam proses untuk memulakannya”



Abdul Fattah Abdullah,
Presiden ANGKASA